

13/02/1999

Pasukan khas awasi kebersihan

Shamsul Azree Samshir

KAJANG, Jumaat - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menubuhkan pasukan khas bagi mengawasi kebersihan di semua kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata pasukan khas itu juga bertanggungjawab menasihati pengurusan PBT berhubung pendekatan terbaik bagi memastikan tahap kebersihan sentiasa memuaskan.

"Pasukan khas itu secara bergilir akan melawat semua kawasan pentadbiran PBT di seluruh negara selepas cuti Tahun Baru Cina," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian bantuan kepada warga tua dan kurang upaya di sini, hari ini.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Kajang, Choong Tow Chong dan penaja majlis itu, Pengerusi Cygal Berhad, Datuk Ujang Bagong.

Selain angpau, penaja turut menyampaikan sumbangan beras, makanan dan basikal kepada pelajar sekolah.

Dr Ting berkata, pasukan khas itu diketuai Ketua Setiausaha, Datuk Khalid Husin dan dianggotai Timbalan Ketua Setiausaha, Datuk Wan Abu Bakar Wan Teh Ibrahim serta ketua bahagian lain.

"Cadangan penubuhan pasukan khas itu dikemukakan tahun lalu tetapi hanya baru-baru ini pasukan itu ditubuhkan selepas semua perancangan dan pertimbangan dibuat," katanya.

Beliau berkata, pasukan khas itu juga bertanggungjawab meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap amalan kebersihan bagi memastikan persekitaran bersih dan indah.

Sementara itu, Dr Ting berkata, kementerian berpuas hati semua program bertujuan meningkatkan tahap kebersihan dan keindahan kawasan berjaya dilaksanakan sejak sembilan tahun lalu.

"Sejak projek pertama iaitu Kempen Bersih dan Indah dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Ipoh, Perak pada 1990 sudah banyak peningkatan ditunjukkan.

"Kesedaran orang ramai terhadap amalan kebersihan juga meningkat dan saya dapati banyak PBT semakin mengutamakan aspek kebersihan seperti Majlis Perbandaran Kajang.

"Dulu Kajang dianggap sebuah bandar kotor tetapi pandangan itu berubah sekarang apabila semakin bersih dan maju," katanya.

Bagaimanapun, Dr Ting berkata, masih ada PBT yang mengabaikan aspek kebersihan sehingga mengakibatkan kawasan persekitaran kotor dan tidak terurus.

"Maklum balas yang diterima menunjukkan masih ada PBT yang memberi alasan seperti kekurangan kakitangan, kenderaan pengangkut rosak atau menghadapi masalah dengan kontraktor hingga mengabaikan aspek kebersihan kawasan," katanya.

(END)